

## WARISAN KEGEMILANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI ANDALUS

(The Glorious Heritage of Islamic Education in Andalus)

<sup>1</sup> AHMAD NABIL AMIR

<sup>1</sup> Islamic Renaissance Front, Pavilion KL, 168 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Malaysia

---

### ABSTRAK

Makalah ini menganalisis kerangka asas dari falsafah pendidikan yang dibangunkan dalam sejarah dan tamadun Islam di Andalus. Permasalahan kajian adalah bagaimana merealisasikan kegemilangan peradaban dan pendidikan Islam yang dicapai di Andalus dalam pemberdayaan pendidikan dan intelek di Malaysia. Objektif kajian adalah bagi membahaskan konsep pendidikan dan pemikiran yang berkembang di Andalus pada kurun ke-8 hingga ke-14 M (92/711H-897/1492M). Kaedah pendidikan yang dirangka daripada faham tauhid ini telah mencetuskan kebangkitan akhlah dan menghasilkan tradisi pemikiran yang dinamik dan progresif. Metode kajian adalah berdasarkan kajian perpustakaan yang menyorot dan menganalisis penulisan-penulisan klasik dan moden yang menghuraikan tentang sejarah dan asas pendidikan Islam di Andalus. Penelitian ini dilakukan secara kualitatif dalam menganalisis sumber dan data. Ia berusaha menghuraikan falsafah dan praktik pendidikan ini dan sumbangannya dalam menggembelng harakat pendidikan dan peradaban yang bertahan selama lebih lapan abad di Andalus. Dapatan kajian mendapati bahawa Andalus telah membawa pencerahan ilmu dan budaya yang bermakna dan meletakkan asas yang penting dalam pendidikan yang dapat dikembangkan dan dipugar dalam kursus pengajian Andalus (*Andalusian Studies*) di Malaysia.

**Kata kunci:** Andalus; praktik pendidikan; falsafah; tradisi akhlah

## **ABSTRACT**

*This article analyzes the foundation of educational philosophy that flourished in the 8th to 14th CE Andalus (92/711-897/1492). The problem of study is how to realize and concretize the Islamic ideal of education as projected in Andalus in enabling intellectual creativity and educational reform in Malaysia. The objective of study is to analyze and discuss its underlying concept that was constructed on tawhidic principle and worldview. It has brought forth intellectual and scientific tradition, and giving birth to dynamism and progressive civilization. The method of study is based on library research that thoroughly survey classical and modern works on the history and development of education in Andalus. The source and data were studied qualitatively using inductive, deductive and analytical approach. It strives to outline its educational philosophy and its contribution in educational practice and intellectual tradition which lasted for 8 centuries in Andalus. The finding shows that Andalus had brought forth unprecedented enlightenment of science and culture and manifested and established important principle in education that could be developed in the course of Andalusian Studies in Malaysia.*

**Keywords:** *Andalus; educational practice; philosophy; intellectual tradition*

## **PENGENALAN**

Andalus merupakan tanah yang merentas Semenanjung Iberia melepasi sempadan Sepanyol dan Portugal yang muncul sebagai kuasa baru dunia di kurun pertengahan dengan kejatuhan empayar Visigoth dan kebangkitan hegemoni Islam yang berlangsung selama hampir 800 tahun. Kedudukan Semenanjung Iberia yang strategik dan penting itu telah dikuasai oleh bala tentera Islam di bawah pimpinan Tariq ibn Ziyad pada 711M. Dengan pelanggaran Andalus oleh Tariq ibn Ziyad dengan bala tenteranya seramai 7,000-12,000 orang (Kennedy 1998), wilayah tersebut telah dikuasai oleh tentera Islam dan menegakkan kekuatan Islam di sana.

Dari segi etimologi, perkataan Andalus dikaitkan dengan tanah asal peribumi Vandal (*land of the Vandals*), daerah selatan Sepanyol di Semenanjung Iberia yang dikuasai oleh bangsa Jerman dari 407 hingga 429 SM. Joaquin Valle (1929-2011) Arabis, ahli sejarah dan akademik mengandaikan bahawa ia berasal daripada perkataan Arab Atlantis, manakala sejarawan Halm berhujah bahawa Andalus adalah asal usul tanah puak Gothic '*landahlauts*' atau al-Andalus dalam bahasa Arab. Namun semua teori tersebut tidak dapat dibuktikan oleh dokumen yang terang atau catatan sahih sejarah Andalus (Bossong 2002).

Pada pertengahan abad ke-8M, Andalus diperintah oleh Amir Abd al-Rahman I (756-788M), yang tersingkir daripada konflik politik di Baghdad. Penyingkirannya telah membawa kepada penemuan dan penegakan Bani Umayyah di Eropah. Legasinya diteruskan oleh Amir Abd al-Rahman II (821-852M) dengan dukungan puak *al-Murabitun* (Inggeris, Almoravid) dan mencapai puncak di bawah pentadbiran Khalifah Abd al-Rahman III (912-961M). Kupasan tentang legasi dan sumbangannya dalam membina peradaban gemilang di Andalus dan membentuk komuniti berautonomi (wilayah) Sepanyol pada abad ke-8M, dijelaskan oleh Fierro (2005): "*Abd al-Rahman III (891-961) was the greatest of the Umayyad rulers of al-Andalus...his reign, in fact, soon acquired legendary dimensions and became for many the embodiment of the way things should be*".

Menurut Watt dan Cachia (1965), warisan Islam di Andalus menemukan kekuatan tradisi akhlah terbaik sepanjang sejarah Iberia yang terbina dalam iklim '*Convivencia*', dan keunggulan akal budi dan budaya: "*Though they had attained - it may be claimed - a high degree of human excellence and of skill in personal relationships*".

## PENDIDIKAN ISLAM

Pada asasnya, tujuan pendidikan Islam adalah untuk menegakkan pandangan tauhid dan menegakkan nilai moral dan adab. Ia menggariskan kefahaman akhlak dan adab sebagai teras dan intisari penting dalam pendidikan: "Pengertian pendidikan dan pembelajaran itu pada hakikatnya ialah usaha menetapkan atau menganjurkan adab" (Anwar 1979).

Faham pendidikannya menggagaskan idealisme dan falsafah moral yang jelas, yang bertujuan untuk mengangkat ketinggian karamah insaniah dan membangunkan nilai *syakhshiyah Islamiyah maknawiyah*, seperti dikupas oleh Anwar (1989) tentang faham ilmu dan akhlak dalam persoalan pendidikan ini: "*It should be able to produce a good thinking man. It has, therefore, a moral ethical dimension towards the whole purpose of education and knowledge...that education would not be deemed to be relevant if it has no moral and ethical or religious connotation*".

Manhaj dan praktik pendidikan yang digariskan mencakupi pembinaan adab, pemeraksanaan budaya dan perikemanusiaan. Dalam makalah yang menyorot tentang kekuatan budaya dan tamadun yang diasaskan oleh tradisi ilmu ini, Anwar (1991) menegakkan: "Yang akan menentukan sama ada masyarakat itu mampu mengubah, membangun, dan mengangkat darjat, harakat bangsa untuk menjadikannya sebagai satu tamadun yang unggul ialah azam dan tekad budaya-cultural will masyarakat bangsanya".

Matlamat pendidikan yang digariskan Islam adalah untuk melahirkan insan *mutafannin* sebagaimana diungkapkan dalam hadis Nabi Muhammad SAW, yang mafhumnya: “Tuhanku telah mendidik aku dan Ia telah mendidik aku dengan sebaik-baik pendidikan (hadis riwayat Ibn Mas‘ud, dikeluarkan al-Suyuti dalam *al-Jami‘ al-Saghir*)” dan “Sesungguhnya aku diutus demi menyempurnakan akhlak (diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *Adab al-Mufrad*, Ibn Sa‘ad dalam *Tabaqat*, Hakim, Ahmad, Ibn Asakir, Baihaqi, Dailami dan Malik)”.

Faham moral dan akhlak inilah yang mengihamkan kesedaran dan keyakinan dan idealisme tauhid yang jelas. Ia memperjuangkan nilai universal dan integral dalam pembentukan insan yang menjadi sifat dan asas terpenting dalam tarbiah Islam: “Reformasi pendidikan yang bertujuan untuk menimbulkan *al-Insan al-Kamil*, mendekati diri dengan *Khaliq*. Pendidikan Islam harus menjadi bahagian yang integral dari seluruh sistem pendidikan. Harus ada kesedaran tentang ketidakmampuan sistem yang divedok dari Barat untuk memenuhi maksud manusia universal dan sempurna” (Anwar 1975).

Pendidikan sekular yang disogok oleh Barat telah membawa distorsi dan kekacauan nilai. Dalam menangkis serangan ini, Islam menetapkan nilai kebenaran, yang berbeza dengan konsep dan pemikiran Barat yang gawat: “Seperti penjajahan yang bertapak dengan berkesan setelah mereka berjaya menafikan masyarakat akan pengertian dan pendidikan Islam, maka penghayatan semula Islam juga adalah dengan meningkatkan kembali kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat dengan konsep ilmu Islam yang berbeza dari pengertian peradaban Barat atau yang merupakan penempelan mata pelajaran Islam dalam sistem pendidikan sekular” (Anwar 1977).

Menurut Qutb (1984), manhaj Islam dalam pendidikan adalah berpangkalan nilai rabbani dan faham tauhid dalam rangka mencari kebenaran: “Dan manhaj pendidikan Islam, adalah manhaj *rabbani* untuk meluruskan insan dan memandunya, untuk menunjuk dan mengimbangi, bagi mengikuti jalannya yang lurus dalam kehidupan”.

## PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DI ANDALUS

Perkembangan ilmu di Andalus digerakkan dengan usaha yang menyeluruh dalam kegiatan akliah dan penyebaran dakwah. Ini diperkukuh dengan penjelajahan yang meluas ke Timur dan usaha membawa masuk literatur dan karya falsafah yang besar. Kesannya, tradisi keilmuan di Andalus banyak diwarnai oleh model kesusasteraan dan literatur klasik dari Timur, seperti dinyatakan oleh Fierro (2000): “*The reception of*

*Eastern literary models and knowledge of pre-Islamic and classical Arabic poetry is the process often referred to as the 'Orientalization of al-Andalus'.*

Usaha pengembangan pendidikan Islam di Andalus ini sebenarnya telah dirintis daripada perjuangan para Sahabat r.a dan Tabi'in dalam membuka wilayah pemerintahan Islam dan menguasai wilayah yang strategik di benua Afrika dan Eropah, seperti catatan Adnan Mohamed Yusof (2008) yang merumuskan bahawa tradisi ilmu di Andalus telah diasaskan oleh para Sahabat r.a dan Tabi'in yang membuka wilayah Andalus pada abad ke-8M pada zaman pemerintahan Banu Umayyah: "tokoh-tokoh Sahabat r.a dan Tabi'in terkenal inilah yang menjadi pengasas perkembangan ilmu dan tamadun Andalus. Mereka terus menjadi kebanggaan masyarakat Islam Andalus sehingga ke akhir usia tamadun ini" (al-Mishniy 1986).

Usaha ini telah menyediakan tapak yang kukuh dalam pengembangan disiplin dan tradisi ilmu dengan penerobosan pemikiran dan keunggulan tradisi akliah di Andalus: "pelbagai sumber dan rujukan penting dalam bidang tafsir, *qira'at*, *'Ulum al-Quran* dan lain-lain telah dibawa masuk ke Andalus sebagai asas pengajian, terutama di peringkat awal perkembangannya sebagai pusat ilmu" (Adnan 2008).

Avila (2002) menerusi kajiannya terhadap kitab *Akhbar al-Fuqaha' wa-l-Muhaddithin* hasil karya Ibn Harith al-Khushani (m. 971M), yang merupakan rujukan terpenting tentang sejarah dan biografi Ulama fiqh dan hadis di Andalus pada kurun ke-9 dan 10M, menegaskan bahawa asas kepada perkembangan dan kemajuan ilmu dan budaya di Andalus ialah aktiviti *rihlah* (penjelajahan) yang telah memberi pengaruh signifikan dalam perkembangan harakat intelek dan tradisi pemikiran di Andalus. Dalam hubungan ini, beliau menyatakan: "*I intend to establish, when the travel to the East (the rihla) was usually undertaken...this will help us to arrive at a better understanding of how academic careers in al-Andalus were constructed*".

Penggabungan dengan tradisi akliah yang menyeluruh dan berkembang di Makkah, Madinah, Baitul Maqdis, Iraq, Qayrawan, Kufah dan Baghdad telah mencorakkan asas pemikiran dan intelek yang dibangunkan dan menjadi katalis kepada kebangkitan harakat pendidikan dan pengkaryaan di Andalus: "*For Andalus scholars, traveling to the Islamic East was an essential step in their period of formation, at least during the first centuries of the history of al-Andalus*" (Avila 2002). Pencapaian tamadun tinggi di Andalus yang terbit menerusi perjuangan yang konsisten telah membangunkan harakat budaya dan intelek serta memberi kesan dan pengaruh yang mendalam dalam mengangkat peradaban dan tradisi akliah di Andalus: "*In direct contrast to those who did not leave al-Andalus, some scholars undertook more than one journey, either because they wished to enlarge*

*the scope of their intellectual interests...it is also said that during this second trip Hawshab b. Salama acquired great scientific knowledge” (Avila 2002).*

## **SILIBUS PENGAJIAN**

Bentuk pengajian yang ditawarkan merangkumi pendidikan tahap rendah, menengah dan tinggi. Pendidikan rendah untuk kanak-kanak berusia enam hingga tujuh tahun dengan menerapkan asas pengetahuan Islam untuk praktik harian. Peringkat menengah dirancang secara berkesan dengan pendirian madrasah yang dikendalikan oleh sarjana dalam pelbagai bidang. Peringkat pengajian tinggi di universiti menawarkan disiplin yang kritikal dalam bidang perubatan, sains, fizik, kimia, falak, muzik, bahasa dan kesusasteraan Arab (Ahmad Hasbullah 1988). Struktur pengajiannya memberikan kebebasan bagi perkembangan dan peningkatan intelek yang berhasil memperkuat permuafakatan umat termasuk daripada kalangan Yahudi dan Kristian: “Kekuasaan dan kemajuan ilmu pengetahuan khalifah di Andalus kuat kerana didukung umat Kristian dan Yahudi” (Dozy 2001).

Perkembangan pendidikan Islam sebegini telah mengangkat warisan dan tradisi pemikiran daripada peradaban Arab-Latin dan pengaruh Yunani dalam rangka penyebaran faham-faham ilmu yang substantif di Eropah, yang ditekankan dalam program-program pengajiannya: *“Thus an intellectual avenue through Spain to Europe beyond the Pyrenees was opened by the expansion of the Islamic Empire across North Africa...Throughout the twelfth and thirteenth centuries in Spain and Sicily, the transmission of scientific knowledge continued with the establishment of an Arab-Latin program”* (Faruqi 2006).

## **MANHAJ PENDIDIKAN**

Manhaj dan dasar pendidikan yang dibangunkan telah dirumuskan dalam teks-teks klasik yang dihasilkan oleh ulama dan sejarawan Islam di Andalus. Ini dibayangkan oleh Sertima (1991), dalam komentarnya tentang kerangka besar sistem kurikulum yang diasaskan melalui garapan penulisan Ibn Hazm, seperti kitab *Tawq al-Hamama fi al-Ulfa wa al-Ullaf* (The Dove’s Neck-Ring), *al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawat al-Nufus* (Morals and Right Conduct in the Healing of the Souls) dan *Maratib al-‘Ulum* (The Categories of the Sciences): *“One example of the type of curriculum of Andalus can be seen in the educational prescription of Ibn Hazm (994-1064)”*.

Lakaran asas daripada praktik pendidikan ini digariskan Ibn Hazm dalam kitabnya, *Maratib al-‘Ulum* (The Categories of the Sciences) yang mencerakinkan asas pembinaan sistem dan kerangka pendidikan di Andalus. Menurutnya, rencana

untuk membina dasar pendidikan perlu menekankan pengetahuan al-Quran, hadis, bahasa, fiqh, kalam, nahu, sejarah, astronomi, matematik, mantik, perubatan, puisi, retorik, dan takwil, serta pembacaan kitab *Almagest* karya Ptolemy (Azizan Baharuddin 1986). Aspirasi pendidikan yang digarap dengan tuntas ini dihuraikan dengan kritis oleh Pulcini (1997) dalam karyanya, *Exegesis as Polemical Discourse: Ibn Hazm on Jewish and Christian Scriptures*: “*Ibn Hazm’s own writings give clear indications of the sort of person he considered to be among the intelligentsia. His Maratib al-‘Ulum specifies the disciplines in which a person had to receive training to be considered genuinely educated*”.

Manakala kitab Ibn Hazm yang bertajuk, *Tawq al-Hamama fi’l-ulfa wa-’l-ullaf* (*A Treatise on the Art and Practise of Arab Love*, terj. A.J Arberry, 1953) melakarkan latar budaya, pemikiran dan pendidikan yang berkembang dalam kehidupan masyarakat Andalus: “*At the time in which he wrote, the larger part of the stories he narrates depict scenes and events from everyday life around him*” (Abu Haidar 2001). Idea dan tema sosial dalam kitabnya *al-Akhlaq wa al-Siyar* dan faham pendidikan yang dirangkumnya turut diulas oleh Imamuddin (1983): “*Ibn Hazm, in his book of Characters and Conducts (al-Akhlaq wa al-Siyar) he summed up the social psychology of the Spanish Muslims*”. Kemantapan gagasan dan idealisme pendidikan yang diilhamkan ini turut dikupas oleh Chejne (1982) dalam analisisnya tentang idea yang dilontarkan Ibn Hazm dalam kitab *Maratib al-‘Ulum*: “*Hazm had written a text on the psychology of the legal profession and the importance of education. He took his role as an educator very seriously*”.

Karya-karya lain yang turut menganalisis corak pendidikan di Andalus termasuklah kitab *al-‘Iqd al-Farid* (*The Unique Necklace*) oleh Ahmad ibn Muhammad ibn ‘Abd Rabbihi (860-940) yang dianggap “telah menjadi suatu alat yang sangat mustahak dalam mewujudkan sistem pendidikan di Andalus” (Menocal 2000), *Jami’ Bayan al-‘Ilm wa Fadlihi* oleh Imam Abu ‘Umar Yusuf ibn ‘Abd al-Barr al-Namiri al-Qurtubi (368-463H/978-1070M), *Siraj al-Muluk* oleh Abu Bakr al-Tartushi (520/1126) dan *al-Muqaddimah* oleh ‘Abd al-Rahman ibn Khaldun (Azizan 1986; Menocal 2000).

Tradisi akhlah yang signifikan turut diraikan di Andalus dengan pendekatan yang dinamik. Dalam rangka praktiknya, pengajian dimulakan di masjid bagi memenuhi keperluan proses pendidikan dan pembelajaran anak-anak kecil: “Di masjid-masjid inilah anak-anak orang Islam diberi pengetahuan asas mengenai Islam” (Mohd Yusuf 2004). Fenomena ini telah diungkapkan dengan jelas dan berkesan oleh Zaimeche (2014): “*In Muslim Spain, there was not a village where the ‘blessings of education’ could not be enjoyed by the children of the most*



*indigent peasant, and in Cordoba were eight hundred public schools frequented by Muslims, Christians, and Jews alike. So high was the place of learning that both teachers and pupils were greatly respected by the mass of population”.*

Tradisi ini mempertahankan pandangan dan nilai Islam yang syumul dengan menekankan pemahaman al-Quran, tafsir, dan hadis sebagai landasan dan asas yang penting dalam manhaj pendidikannya, seperti dikupas oleh Adnan Mohamed Yusoff (2008): “Menurut Ibn Khaldun, sesuatu yang istimewa dalam pendekatan pengajaran yang menjadi amalan masyarakat Islam Andalus berbanding masyarakat Islam di tempat lain ialah mereka memulakan proses pendidikan mereka dengan mempelajari al-Quran terlebih dahulu, kemudian diikuti dengan bahasa Arab, hadis dan fiqh”.

Manhaj ini menegaskan kebijakan dasar pendidikan yang dirangka, seperti dirumuskan oleh Ibn Hazm dalam usahanya menegakkan faham universal dan integral dalam pendidikan: “*Hazm called for a general and integrated education in all the sciences and he recognized the interdependence of the disciplines*” (Chejne 1982). Pemahaman ilmu al-Quran, tafsir dan hadis, secara kait-mengait diberikan penekanan dalam rangka penguasaan ilmu teras dan pengembangan disiplin yang komprehensif: “*Ibn Hazm even professed that a knowledge of the Koran was not sufficient without a knowledge of Prophetic SAW Traditions and related disciplines and without the knowledge of language, medicine and other disciplines*” (Dozy 2001).

### FALSAFAH PENDIDIKAN

Falsafah pemikiran dan tradisi keilmuan yang berkembang di Andalus dapat dirumuskan dalam rangka berikut:

1. *Shumul* (menyeluruh) dan *takamul* (melengkapi).
2. *Tawazun* (seimbang).
3. *al-Ijabiyah* (positif) dan *al-Sawiyah* (setara).
4. *al-Waqi'iyah* (praktikal) dan *al-Mithaliyyah* (ideal) (Khuli 1985).

Falsafah pendidikan ini mencakup fikrah tentang idea dan gagasan keilmuan yang universal yang memperjuang dan mempertahankan prinsip kebebasan bagi mengangkat harakat pemikiran dan warisan keilmuan di Andalus: “*The role of education is paramount here, you must allow for creative thinking, free expression, an intellectual tradition that is more vibrant and open, ... (Andalus) made it a system that could allow for the mushrooming of ideas and intellect*” (Anwar 2005).



Falsafah ini turut meraikan kebebasan akliah dan ketinggian tradisi ilmu dan pemikiran yang dibentuk dengan pendekatan rasional dan holistik: *“The sciences were approached holistically. For example, physics encompassed medicine while arithmetic included calculation as well as inheritance laws and business”* (Sertima 1991).

Citra dan falsafah pendidikannya menekankan kekuatan prinsip moral dan nilai humanis berteraskan faham pendidikan yang *shumul* (menyeluruh), *takumul* (melengkapi), *tawazun* (seimbang), *al-Ijabiyyah* (positif), *al-Sawiyah* (setara), *al-Waqi'iyah* (praktikal) dan *al-Mithaliyyah* (ideal) (Khuli 1985) dalam disiplin pengajian yang luas dan komprehensif meliputi kebudayaan, agama, sains, kemasyarakatan, tabie, yang menarik pelajar Eropah dan Afrika ke Andalus, seperti diungkapkan oleh Hamka (2017) dalam tinjauannya tentang pengaruh Islam terhadap peradaban Barat: “Ketika Andalusia dimasuki oleh Islam, maka kaum Muslimin telah menyiarkan kemuliaan ilmu dan kebesaran fikiran. Ketua-ketua mazhab yang tinggi-tinggi dan ahli pengetahuan, berturut-turut pindah ke negeri baru itu membawa kemerdekaan menyelidik dan berfikir menurut ajaran al-Quran. Andalusia menjadi pusat kemajuan fikiran dan kemajuan ilmu, serta bermacam-macam kesenian yang mengagumkan. Setelah khalif-khalif mendirikan sekolah tinggi sebagai pusat pengembangan ilmu, di negeri Sevilla (Asybiliyah) dan Cordova (Qurtubah), maka datang ke sana berduyun-duyun penuntut-penuntut ilmu dari Barat”.

Tinjauan ini turut diperkukuh oleh Imamuddin (1981) dalam kajiannya tentang sejarah Islam di Andalus: *“The Hispano-‘Arabs were making infinite advancements in the intellectual pursuits. Their success in the intellectual sphere was unprecedented”*. Ini turut disorot oleh Alcalay (2013) dalam kajiannya tentang impak dan pengaruh tradisi intelek dalam perkembangan sastera dan kesenian di Andalus: *“The Arabs encouraged the study of science and the development of the arts. Public libraries were established in the large cities”*.

An-Nukmy (1995) dalam analisis sejarahnya tentang faham dan kaedah pendidikan dan pembentukan kurikulumnya daripada rangka pemikiran Ibn Khaldun dan al-Qabisi mencatatkan tentang pemekaran tradisi ilmu dan budaya di Andalus: “Lain halnya dengan penduduk Islam di Andalus. Mereka tidak membataskan pengajian di *kuttab* (sekolah persendirian) kepada al-Quran sahaja, malah mereka memasukkan pelajaran bahasa Arab, undang-undang, khat, puisi, prosa dan syair. Hasilnya anak-anak di sini lebih maju fikirannya dan lebih petah percakapannya serta lebih baik penggunaan bahasanya (berbanding di Maghribi)”.

## WARISAN INTELEK

Andalus telah melakarkan dasar dan falsafah pendidikan tulen yang telah mengangkat legasi kebudayaan dan kecendekiawanannya yang progresif. Pengaliran ilmu yang memperkenalkan warisan dan tamadun Islam ke dunia Barat, telah digerakkan dari pengaruh tradisi akliah ini seperti dizahirkan oleh Ivry (2010): *“This entire philosophical and scientific corpus was transmitted westward in the ninth and tenth centuries, mostly by Andalusian scholars traveling East and returning home with the knowledge, and books, acquired in their travels”*. Harakat penulisan dan penterjemahan yang masif turut digembleng seperti diperlihatkan dalam catatan Ibn Abi Usaybi‘ah (1965) tentang warkah yang dikirim oleh Armanius (Romanus), pemerintah Konstantinopel kepada Khalifah Abd al-Rahman III pada tahun 337H/989M: *“And as for the book of Orosius (history of Rum (Byzantium), if there are among the Latins (Christians) of your country those who know the Latin language, find them and let them translate it into Arabic for you”* (Ivry 2010).

Warisan intelektual Islam dan *turath* pemikirannya ini telah dibangunkan dalam usaha pencerahan yang dipelopori oleh ulama Andalus. Budaya yang positif dan terbuka yang dicetuskan telah memupuk percambahan karya yang meluas dan memberi dorongan kepada harakat pemikiran yang substantif dan kebangkitan intelek, seperti diungkapkan oleh Fierro (2005) tentang latar penghasilan biografi dan sumbangan pemikiran mereka dalam sejarah Andalus: *“While the Caliph was promoting the writing of pro-Umayyad history, the religious scholars also felt the need to preserve the memory of their own group. They did so by writing biographical dictionaries...an important way in which sunni scholars, lacking institutional background and support, articulated their existence as a group and their relationship to both state and society was by writing dictionaries which preserved the memory of its members, their expertise, their teachings, and their social and political practices”*.

Kekuatan literatur dan kesusasteraan Andalus serta cetusan akliah ini telah mengembangkan tradisi dan budaya ilmu di Andalus, sebagaimana diulas oleh Mohd Yusuf (2004): *“Satu budaya orang Islam Andalus yang patut dicontohi ialah budaya mengadakan perpustakaan sendiri. Setiap orang berlumba-lumba mengumpul buku dan mengadakan perpustakaan”* dan pemerhatian yang diutarakan oleh Azizan Baharuddin (1986): *“Masyarakat Islam di Andalus telah menyemai satu tradisi mencintai ilmu dan pendidikan dengan mendalam. Mereka juga merupakan guru-guru yang sangat berdedikasi. Perpustakaan dibina bukan sahaja sebagai simbol pendidikan bahkan juga sebagai tanda kemegahan dalam*

kalangan orang biasa yang suka membuat perpustakaan di rumah-rumah mereka. Oleh yang demikian pembelajaran dan pengajaran ilmu menjadi satu daripada aktiviti dan keinginan yang tinggi nilainya bagi orang Andalus”.

## KESIMPULAN

Sejarah pendidikan di Andalus memperlihatkan landasan yang jelas dalam hala tuju dan praktik pendidikannya yang tercetus dari kerangka pemikiran dan model pendidikan terbaik dan berkesan. Warisan kegemilangan pendidikan Islam di Andalus mencerminkan idealisme yang meyakinkan dan menampilkan gagasan dan falsafah pendidikan yang pragmatik. Pencapaian yang terhasil perlu menjadi inspirasi bagi memantapkan hala tuju pendidikan di wilayah ini dalam merealisasikan sejarah baru yang setanding dengan pencapaian Andalus. Pengalaman ini juga perlu dimanfaatkan melalui penterjemahan karya-karya besar sarjana Islam klasik di Andalus bagi mengetengahkan fikrah dan falsafah pendidikan yang mereka gagaskan.

## RUJUKAN

- Abu Haidar, J.A. 2001. *Hispano-Arabic Literature and the Early Provençal Lyrics*. Surrey, UK: Curzon Press.
- Adnan Mohamed Yusoff. 2008. Sumbangan ulama Andalusia dalam ilmu tafsir. *al-Bayan* 6: 33-51.
- Ahmad Hasbullah. 1988. *Perkembangan Tamadun Islam Abad Pertengahan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Alcalay, A. 2013. Primary documents on Andalusia and Literature. *Dalam Andalusia Places and History*, Granada.
- Anwar Ibrahim. 1975. Jelaskan wadah perbaharu tekad. *Muktamar Sanawi ke-4*, 7 Dis.
- Anwar Ibrahim. 1977. *Wahdatul Fikr* penyatuan pemikiran dalam gerakan Islam. Ucapan dasar, *Muktamar ABIM ke-6*, 28 Julai.
- Anwar Ibrahim. 1979. Persoalan akhlak dalam pendidikan. *Koleksi PKPIM Simposium Pendidikan Islam*. Terj. Zamanhuri Shamsuddin. Kampung Baru, KL: PKPIM.
- Anwar Ibrahim. 1989. 'Ilm (Knowledge). *Faces of Islam: Conversations on Contemporary Issues*. Terj. Ziauddin Sardar & Merryl Wyn Davies. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Anwar Ibrahim. 1991. Tradisi ilmu dan karya sastera. *Dewan Sastera*, Nov.

- Anwar Ibrahim. 2005. The importance of free markets to Islam and Muslims. Ucaptama dalam Eight Annual Dinner, The Minaret of Freedom Institute, USA, Oct. 23.
- An-Nukmy, Abdullah Amin. 1995. *Kaedah dan Kurikulum Pendidikan Islam menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Terj. Mustafa Alayaini & Usman Hussein. Seri Kembangan: Pustaka Syuhada.
- Avila, M.L. 2002. The search for knowledge: Andalusí scholars and their travels to the Islamic East. *Medieval Prosopography: History and Collective Biography*, 125-140. Escuela de Estudios Arabes, CSIC Granada.
- Azizan Baharuddin. 1986. *Pengenalan Tamadun Islam di Andalus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Bossong, G. 2002. The Name al-Andalus: Revisiting an Old Problem. *Trends in Linguistics. Studies and Monograph*. Terj. Restle, D., Zaefferer, Dietmar. Berlin: De Gruyter Mouton.
- Chejne, A.G. 1982. *Ibn Hazm of Cordoba and His Conception of the Sciences*. Chicago: Kazi Publications.
- Dozy, R. 2001. *Spanish Islam: A History of the Muslims in Spain*. Terj. Stokes, F.G. New Delhi: Goodword Books.
- Faruqi, Y. M. 2006. Contributions of Islamic scholars to the scientific enterprise. *International Education Journal* 7(4): 391-399.
- Fierro, M. 2000. Islamic law in al-Andalus. *Islamic Law and Society* 7(2): 119-124.
- Fierro, M. 2005. *'Abd al-Rahman III The First Cordoban Caliph*. Oxford: One World.
- Hamka. 2017. *Lembaga Hidup*. Batu Caves: PTS.
- Ibn Abi Usaybi'ah. 1965. *Uyun al-Anba' fi Tabaqat al-Atibba*. Beirut: Dar Maktabat al-Hayat.
- Ibn Hazm, 'Ali ibn Ahmad. 1953. *The Ring of the Dove: A Treatise on the Art and Practise of Arab Love*. Terj. A.J. Arberry. London: Luzac.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman b. Muhammad. 1984. *al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Imamuddin, S.M. 1981. *Muslim Spain, 711-1492 A.D.* Leiden: E.J. Brill.
- Imamuddin, S.M. 1983. *Arabic Writing and Arab Libraries*. London: Ta Ha Publishers.

- Ivry, A. 2010. Philosophy and science in Andalusia. <http://www.nyu.edu/gsas/program/neareast/test/andalusia/pdf/6.pdf> [28 Ogos 2010].
- Kennedy. H. N. 1998. *Muslim Spain and Portugal: A Political History of al-Andalus*. London, New York: Longman.
- Khuli, ‘Abd al-Badi‘ ‘Abd al-‘Aziz ‘Umar. 1985. *al-Fikr al-Tarbawi fi al-Andalus 403-478 H*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- al-Mashni, Mustafa Ibrahim. 1986. *Madrasiat al-Tafsir fi al-Andalus*. Beirut: Mu’assasat al-Risalah.
- Menocal, M.R., Scheindlin, R.P., Sells, M. (pnyt.). 2000. *The Literature of al-Andalus*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2004. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Cet. 2. Kuala Lumpur: Penerbit Uni. Malaya.
- Pulcini, T., Laderman, G. 1997. *Exegesis as Polemical Discourse: Ibn Hazm on Jewish and Christian Scriptures*. Oxford: Oxford University Press.
- Qutb, Muhammad. 1984. *Manhaj al-Tarbiyyah al-Islamiyyah (Sistem Pendidikan Islam)*. Terj. Salman Harun. Bandung: Penerbit al-Ma‘arif.
- Sertima, I.V. (pnyt.) 1991. *The Golden Age of the Moor*. New Jersey, USA: Transaction Publishers.
- Watt, W.M. & Cachia, P. 1965. *A History of Islamic Spain*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Zaimeche, S. 2014. Education in Islam and the role of the Mosque. *The Brunei Times*, 17 October.

